

22 APR 1996

DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN PERU

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad TELAH menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Peru yang baru dilantik Alberto Pandolfi Arbulu.

"Saya menaruh keyakinan bahawa dengan pengetahuan dan pengalaman yang ada, tuan dapat membawa Peru ke arah kejayaan dan kemakmuran yang berterusan," kata Perdana Menteri dalam perutusannya yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini.

Dr Mahathir juga menaruh harapan untuk bekerjasama dengan Arbulu bagi mempertingkatkan kerjasama rapat demi kepentingan bersama kedua-dua negara.

-- BERNAMA

TCL FAZ